



SIARAN AKHBAR

Diterbitkan Oleh Jabatan Penerangan Malaysia

PEN. 9/85/88 (EM)

UCAPAN PRESIDEN UMNO
Y.A.B. DATO SERI DR. MAHATHIR BIN MOHAMAD
DI PERHIMPUNAN AGUNG UMNO YANG KE-36
DI DEWAN MERDEKA, PUSAT DAGANGAN DUNIA PUTRA,
KOMPLEKS UMNO MALAYSIA, JALAN TUN ISMAIL
KUALA LUMPUR, PADA HARI JUMAAT
27HB. SEPTEMBER, 1985
PUKUL 9.30 PAGI

(P)

PERHIMPUNAN
REDAKSI

BISMILLAHIR RAHMANIR RAHIM.

ASSALAMU ALAIKUM WARAHMATULLAHI WABARAKATUH.

Yang Mulia Pengerusi Majlis;
Timbalan Presiden;
Naib-Naib Presiden;
Ahli-Ahli Majlis Tertinggi;
Ketua-Ketua dan Wakil-Wakil Parti-Parti Komponen Barisan
Nasional;
Dif-Dif Kehormat;
Para Perwakilan dan Pemerhati;
Tuan-tuan dan puan-puan yang dihormati sekalian.

PENDAHULUAN

ALHAMDULLILLAH, kita bersyukur ke hadrat Allah Subhanahu Wataala, kerana dapat kita sekali lagi berkumpul menghadiri Perhimpunan Agung UMNO yang ke-36 ini. Sebagai Presiden Parti, bagi pihak Parti dan Majlis Tertinggi, saya mengucapkan selamat datang kepada para perwakilan sekalian ke Perhimpunan Agung ini. Saya juga ingin mengambil kesempatan ini untuk mengalu-alukan kehadiran wakil-wakil parti-parti komponen Barisan Nasional di Perhimpunan ini. Marilah kita sama-sama berdoa semoga dengan hidayat dan petunjuk Allah Subhanahu Wataala, dapat kita sekali lagi menunaikan tanggungjawab kita sebagai Ahli-ahli UMNO menjayakan Perhimpunan Agung ini mengikut Perlembagaan dan lunas-lunas Parti bagi mengukuhkan lagi perjuangan kita.

POLITIK WANG DAN PINDAAN PERLEMBAGAAN UMNO

2. Perhimpunan Agung UMNO 1985 ini tetap akan menjadi mesyuarat yang istimewa dalam sejarah perjuangan UMNO dan perjuangan orang Melayu. Yang pertama, Perhimpunan kali ini diadakan dalam bangunan UMNO sendiri. Memang benar UMNO telah memiliki bangunannya sendiri semenjak awal-awal lagi tetapi bangunan-bangunan Ibu Pejabat UMNO dahulu adalah terlalu kecil untuk menampung mana-mana Perhimpunan Agung UMNO. Kompleks UMNO yang baru sahaja siap dan dirasmikan pembukaannya semalam, merupakan bangunan yang khusus direkabentuk untuk menampung keperluan persidangan yang terbesar yang diadakan tiap-tiap tahun di negara kita -- iaitu Perhimpunan Agung UMNO.

3. Kompleks UMNO ini membuktikan bukan sahaja kemajuan UMNO tetapi juga kejayaan orang Melayu khususnya dan kejayaan pemerintahan Kerajaan campuran di Malaysia semenjak merdeka.

4. Walaupun kita terpaksa meminjam duit untuk membangunkan projek ini, tetapi kita tahu orang tidak akan memberi pinjaman jika kita tidak mempunyai kemampuan untuk membayar balik. Ahli-ahli UMNO sendiri tidaklah menderma seperti dijangka, tetapi ada juga orang-orang lain yang mengakui bahawa kejayaan mereka adalah hasil kejayaan perjuangan UMNO dan pemerintahan yang diterajui oleh UMNO dan oleh itu sudi membantu UMNO untuk mendirikan Ibu Pejabat ini. Selain daripada itu, kita yakin perolehan dari kompleks ini dan keuntungan beberapa perniagaan di mana UMNO mempunyai saham, akan menolong kita membayar balik pinjaman dan memberi sedikit lebihan untuk pengurusan Ibu Pejabat.

5. Yang kedua ialah bilangan ahli UMNO sudah meningkat sehingga lebih daripada satu juta. Ini membuktikan bahawa orang Melayu yang berminat dengan UMNO semakin bertambah. Di mana sahaja kita pergi terdapat papan tanda menyatakan ada cawangan UMNO di situ. Sudah tentu semua kawasan setinggan mempunyai papan tanda UMNO. Jika ada sebuah bangsal kecil di dalam satu kawasan pembangunan baru, papan tanda UMNO serta bendera UMNO tetap ada dengan megahnya. Dalam kawasan di mana pihak lawan menganggap sebagai kubu mereka, di situ pun ada UMNO.

6. Keahlian yang ramai ini mencerminkan minat orang Melayu menjadi ahli UMNO. Tetapi, malangnya ia belum tentu mencerminkan semangat dan kefahaman tentang perjuangan UMNO.

7. Kedua-dua keistimewaan UMNO yang saya sebutkan ini, iaitu kejayaan ekonominya dan bertambahnya bilangannya, walaupun pada permukaannya merupakan satu perkembangan yang boleh dibanggakan, tetapi ada juga unsur-unsur keburukan, unsur-unsur yang boleh merobohkan UMNO dari dalam.

8. Kejayaan orang-orang Melayu dalam bidang ekonomi tidak selalunya membawa kesyukuran. Ramai yang berjaya dan menjadi kaya tidak puas hati dengan kekayaan semata-mata.

Mereka mahu tempat dalam bidang politik dan kuasa yang kononnya dimiliki oleh orang-orang politik.

9. Justeru itu, kita telah lihat penggunaan wang untuk menjayakan pertandingan merebut jawatan dalam UMNO baik di peringkat cawangan, atau bahagian atau pusat. Saguhati dihantar kepada ahli dengan kiriman salam daripada si-polan si-polan. Kadang-kadang sampul surat khas digunakan dengan ucapan 'salam sejahtera' daripada orang yang berkenaan.

10. Ramai ahli UMNO dibawa makan angin ke luar negeri. Banyak juga majlis jamuan diadakan, lengkap dengan syarahan kecil dan doa. Hotel-hotel mewah mendapat pelanggan yang ramai. Begitu juga bas-bas persiaran, mendapat tempahan sepanjang tahun.

11. Tiap sesuatu mempunyai permulaannya. Penggunaan wang bermula dengan penempatan wakil-wakil ke Perhimpunan Agung di hotel-hotel mewah. Dahulu, wakil-wakil ke Perhimpunan Agung mencari tempat tinggal sendiri di hotel-hotel kecil, tetapi kerana undi mereka diminati oleh calon-calon Majlis Tertinggi, maka mereka diberi layanan yang istimewa. Selepas itu berlakulah perlumbaan menggunakan wang.

12. Kita tidak boleh salahkan pemberi sahaja. Penerima juga bersalah. Mereka mendesak, bahkan secara halus mengugut bakal calon supaya memberi layanan istimewa kepada mereka. Jika tidak, maka kesannya mungkin buruk kepada calon.

13. Amatlah pedih bagi saya untuk mendedahkan perkara-perkara yang buruk ini. Saya sedar parti-parti lawan akan menggunakannya untuk menghentam kita. Tetapi, saya tidak mempunyai pilihan. Dengan bertambahnya ahli-ahli UMNO, lebih ramai orang yang tidak berprinsip sudah menjelma dan menggunakan cara-cara yang buruk untuk mendapatkan

tempat. Dan orang-orang yang sudah lama dalam UMNO pun lupa akan prinsip perjuangan kerana takut kehilangan tempat.

14. Memandangkan kepada hal ini, UMNO terpaksa meminda undang-undang tubuhnya untuk mengadakan sekatan yang lebih berkesan terhadap penyelewengan yang dilakukan oleh ahli-ahli dan pemimpin-pemimpin parti. Undang-undang ini akan menambahkan kuasa badan-badan penyelarasan UMNO menyelesaikan masalah-masalah tanpa disekat oleh 'court injunction' yang sudah menjadi adat kepada beberapa ahli yang mengutamakan kepentingan diri sendiri lebih daripada kepentingan parti.

15. Saya sedar ada pihak yang mempermainkan konsep 'contract' antara ahli dengan parti. Kononnya, sekian lama UMNO berada, kita tidak perlu kepada 'contract'. Yang perlu, kata mereka, ialah keadilan dalam menyelesaikan masalah.

16. Yang pertamanya, mereka yang menyoal keadilan dalam UMNO harus bertanya diri sendiri apakah benar mereka sendiri adil. Yang keduanya, keadilan biasanya cuma diakui oleh pihak yang mendapat apa yang diminatinya. Jika seseorang itu gagal, maka sudah tentu dia tidak akan mengakui keadilan keputusan yang dibuat.

17. Sebenarnya, UMNO mengamal sistem yang demokratik dan memilih pemimpin dengan mengundi secara ramai. Sama ada pemimpin yang dipilih terjamin sifat keadilannya tidak dapat ditentukan. Yang penting ialah jika pemimpin betul-betul tidak adil, ia dapat digantikan melalui proses demokrasi. Janganlah kita membenarkan kesalahan teknik mengatasi prinsip dan kepentingan parti keseluruhannya.

18. Di antara gejala buruk yang muncul kerana kemajuan ekonomi orang Melayu dan bertambahnya ahli UMNO, ialah politik wang dan rebutan tempat yang telah saya perkatakan.

Memadailah jika saya katakan bahawa kedua-dua amalan ini jika tidak dibendung akan menghancurkan UMNO dan juga negara.

19. Nasib orang-orang Melayu dan agama Islam akan menjadi amat buruk jika UMNO hancur. UMNO tidak akan hancur kerana serangan musuhnya tetapi UMNO boleh hancur kerana pecah-belah di dalam parti, kerana sengketa di antara ahli-ahli UMNO. Ingatlah rebutan takhta negeri-negeri Melayu oleh kerabat di raja Melayu telah menyebabkan negara kita dijajah selama lebih 400 tahun. Ingatlah dan insafilah. Yang tamak akan kehilangan semua akhirnya.

20. Sebelum kedatangan Portugis, Belanda dan Inggeris, orang-orang Melayu menjadi rakyat di begitu banyak negeri-negeri kecil yang muncul kerana rebutan kuasa oleh keluarga Raja-Raja Melayu. Negeri-negeri kecil ini lemah dan dengan berterusannya rebutan takhta oleh keluarga di-raja, maka satu demi satu negeri-negeri Melayu telah jatuh ke tangan penjajah.

21. Penubuhan UMNO dalam tahun 1946 telah berjaya menyatukan semula orang-orang Melayu untuk menentang Malayan Union sehingga mencapai kemenangan. Perpaduan melalui UMNO ini telah diteruskan sehinggalah kita berjaya mencapai kemerdekaan.

22. Tetapi, perpaduan dan cantuman negeri-negeri Melayu yang menjadikan negara Malaysia telah membawa cabaran baru -- iaitu pentadbiran yang lebih besar. Sejarah menunjukkan cuma bangsa yang mampu mentadbir bilangan manusia yang lebih ramai sahaja yang dapat menegakkan negara yang besar dan kuat. Bangsa yang tidak mampu akan berpecah-pecah menjadi negeri-negeri kecil seperti yang berlaku dalam alam Melayu di Asia Tenggara.

23. Soalnya ialah apakah orang-orang Melayu mampu mentadbir UMNO yang sudah besar atau apakah orang-orang Melayu tidak mampu? Inilah ujian yang kita hadapi sekarang setelah UMNO menjadi begitu besar dan disertai pula oleh berbagai golongan anggota masyarakat termasuk mereka yang tidak faham matlamat UMNO atau tidak mempunyai semangat kebangsaan.

24. Dalam Persidangan Khas yang akan diadakan, kita akan membentangkan pindaan dan aturan-peraturan baru yang bertujuan untuk menjaga keutuhan dan kekesanan UMNO. Saya bersetuju bahawa undang-undang tidaklah sebegitu berkesan seperti kesanggupan mengawal diri oleh kita semua. Tetapi, dalam mana-mana kumpulan manusia, walaupun yang cukup tertib, akan terdapat individu-individu yang menjadi duri dalam daging masyarakat. Tujuan undang-undang adalah untuk mengawal mereka ini sahaja. Jika majoriti daripada ahli UMNO berkelakuan buruk dan tidak menghiraukan aturan-peraturan atau undang-undang, pindaan perlembagaan tidak akan membawa apa-apa kesan dari segi pemeliharaan parti.

25. Saya berharap ahli-ahli UMNO akan menyokong pindaan undang-undang tubuh dan peraturan parti demi menjaga keutuhan dan kewibawaan parti. Lebih-lebih lagi saya berharap undang-undang ini tidak akan kerap digunakan kerana ahli-ahli parti akan mengawal nafsu dan bertindak sebagai satu bangsa yang bermaruah dan bersopan.

BARISAN NASIONAL

26. UMNO menerima kenyataan dan berpegang teguh kepada kebenaran. Kenyataannya ialah Malaysia adalah negara berbilang kaum. Oleh itu UMNO sanggup bekerjasama dengan semua kaum asalkan sahaja perjuangan mereka tidak bertentangan dengan kepentingan negara dan perjuangan UMNO.

27. Sebab itulah UMNO sanggup menjadi anggota Perikatan dan Barisan Nasional. Kita sanggup mengeneipkan sedikit

kepentingan kita kerana kita ingin mengutamakan kepentingan negara. Kita ingin supaya negara ini stabil dari segi politik dan ekonomi, dan dalam negara majmuk tidak ada sesuatu yang lebih berkesan dalam menentukan kestabilan daripada bekerjasama antara kaum.

28. Tetapi kerjasama itu hendaklah berkesan dan jujur. Sehingga kini kerjasama dalam Perikatan dan kemudiannya Barisan Nasional adalah berkesan dan Kerajaan-kerajaan campuran yang ditubuhkan di bawah Perikatan dan Barisan Nasional telah berjaya membangunkan negara kita Malaysia.

29. Walaupun biasanya parti-parti komponen dalam Barisan Nasional tidak campurtangan dalam masalah rumahtangga parti masing-masing, tetapi kepentingan Barisan Nasional lebih utama daripada kepentingan sesuatu parti komponen. Jika peristiwa dalam parti komponen bukan sahaja merosakkan dirinya sendiri, tetapi mengancam kekuatan Barisan Nasional, maka Barisan Nasional tidak dapat berdiam diri.

30. Namun demikian kita amat berhati-hati dalam mengambil tindakan. Masa yang cukup diberi untuk sesuatu parti menyelesaikan masalah mereka.

31. UMNO amat kecewa apabila usaha Barisan Nasional untuk menyelesaikan sesuatu masalah itu sebelum pilihanraya telah sengaja diputar-belitkan oleh golongan-golongan tertentu dengan berkata bahawa UMNO telah campurtangan dalam pemilihan para pemimpin bagi sebuah parti komponen. Tujuan cakwaan ini ialah untuk menimbulkan perasaan perkauman yang boleh mempopularkan pihak-pihak tertentu.

32. Yang anihnya ialah mereka yang sekarang mendakwa UMNO telah campurtangan dalam masalah parti mereka, adalah juga orang yang sama yang dahulunya sering meminta pertolongan supaya diberhentikan orang-orang tertentu daripada parti itu di dalam Kerajaan, atau mengambil balik mereka ke dalam

Kerajaan, kerana tindakan ini dipercayai boleh menolong pihak masing-masing dalam usaha merebut jawatan dalam parti. Pendek kata, merekalah yang mendesak supaya ada campurtangan luar bagi menentukan siapakah yang akan memimpin parti. Tetapi hari ini mereka ini jugalah yang menyalahkan campurtangan luar apabila mereka gagal menyelesaikan masalah mereka.

33. Masyarakat Cina di Malaysia adalah kedua besarnya selepas masyarakat Melayu. Kita ingin melihat masyarakat Cina diwakili dalam Kerajaan. Tetapi dua perkara mestilah diambil ingatan.

34. Pertamanya, keinginan UMNO bekerjasama dengan masyarakat Cina janganlah digunakan sebagai alat politik peribadi sesiapa.

35. Yang keduanya, wakil masyarakat Cina dalam Kerajaan hendaklah terdiri daripada orang yang ikhlas serta jujur dan bukan orang yang mengutamakan kepentingan diri.

36. Para pemimpin mestilah sanggup tunduk kepada keputusan ramai. Pemimpin tidak harus mencari isu semata-mata untuk kepentingan diri. Pemimpin tidak boleh mempermainkan aturan-peraturan supaya kedudukannya dalam parti dikekalkan.

37. UMNO tidak berniat untuk campurtangan dalam masalah rumahtangga parti lain dalam Barisan Nasional. Tetapi UMNO sebagai anggota Barisan Nasional tidak sanggup kewibawaan Barisan Nasional terjejas kerana kepentingan sesuatu parti komponen atau orang-orang tertentu. Dan UMNO tidak sanggup ditohmah oleh mereka yang sudah kehilangan pengaruh.

EKONOMI NEGARA

38. Kita telah diberitahu oleh akhbar-akhbar dan berita-berita angin bahawa ekonomi negara telah merosot.

berita-berita ini disokong pula dengan tindakan majikan di beberapa industri menamatkan khidmat atau mengurangkan masa kerja pekerja-pekerja mereka.

39. Negara kita ialah sebuah negara yang bergantung kepada perdagangan dengan dunia luar, terutama dengan negara-negara maju, untuk perkembangan dan kestabilan ekonomi kita. Dalam keadaan ekonomi dunia yang merosot, tidak dapat tidak kita akan rasai kesan kemerosotan ini.

40. Yang penting bukanlah sebab-sebab kemerosotan ini berlaku di negara asing. Yang penting ialah sikap dan tindakan kita dalam menghadapi kemelesetan ekonomi negara kita.

41. Kita boleh mengambil sikap tidak memperdulikan kenyataan dan kita teruskan amalan biasa kita, iaitu membelanjakan wang dengan tidak menghiraukan kesan buruknya. Kita boleh meminjam duit dari negara-negara asing dan bank-bank sehingga segala pendapatan kita terpaksa digunakan untuk membayar hutang sahaja.

42. Tetapi, seperti individu yang berhutang, negara juga terpaksa membayar hutang. Dan bayaran ini akan menjadi beban yang amat berat untuk dipikul. Kita berhutang hari ini, dan anak-cucu kita akan menanggung beban pembayarannya. Benek-moyang kita menggadai negeri untuk perbelanjaan yang membazir seperti acara perkahwinan besar-besaran, dan akibatnya ialah kita dijajah.

43. Pemberi hutang di zaman ini tidak akan menjajah secara langsung jika kita gagal membayar hutang. Tetapi, penjajahan secara tidak langsung atau neo-colonialisme boleh berlaku. Pada ketika itu sia-sia sahajalah perjuangan untuk kemerdekaan. Kita dan anak-cucu kita akan hidup di bawah telunjuk bangsa-bangsa asing.

44. Bukanlah maksud saya bahawa negara tidak boleh berhutang sama sekali. Kita boleh berhutang. Bahkan kita harus meminjam dan kerap kali kita mendapati nilai matawang yang digunakan semasa membayar adalah lebih rendah daripada nilainya di waktu kita meminjam. Namun demikian, ada hadnya untuk kita meminjam.

45. Memandang kepada hakikat inilah, kita perlu berjimat-cermat dan mengawasi segala perbelanjaan. Pembangunan negara tidak lagi boleh dilaksanakan dengan pesat seperti dahulu. Projek dan subsidi terpaksa dikurangkan. Barang-barang mewah dari luar negeri hendaklah dikurangkan pembeliannya, baik oleh Kerajaan atau rakyat.

46. Tetapi ramai yang bertanya, mengapakah kita membina jambatan dan jalan-jalan raya? Tidak dapatkah kita menangguhkan projek-projek ini?

47. Sebenarnya, kemelesetan ekonomi dunia berlaku dengan mengejut. Kesannya terhadap ekonomi negara cuma dirasai dengan sepenuhnya dalam tahun 1983-85. Pada tahun 1980, kita masih begitu mewah sehingga kita dapat mengadakan semakan gaji lebih awal daripada biasa dan menaikkan gaji dan pencen keparas yang amat tinggi. Begitu juga kita tidak mempunyai alasan bagi menangguhkan pelaksanaan projek-projek yang telah lama dirancang. Cuma dalam tahun 1983 baharulah kita mula menangguhkan projek yang belum 'committed'. Sudah tentu projek-projek yang kontraknya telah diberi atau kerja-kerja telah bermula, terpaksa diteruskan. Jika dibatalkan, maka bayaran pampasan yang tinggi terpaksa dibayar kepada pihak-pihak berkenaan. Ini bermakna kerugian tanpa sebarang hasil.

48. Namun demikian, projek-projek infrastruktur, terutama yang akan memberi pulangan wang, perlu diadakan. Dengan itu, Kerajaan telah melaksanakan beberapa projek walaupun semasa kemelesetan ekonomi.

49. Hasil daripada pengurusan kewangan negara yang lebih berhati-hati ialah kedudukan kewangan kita telah menjadi lebih sihat berbanding dengan kedudukan kewangan hampir semua negara membangun di rantau ini bahkan di dunia. Namun demikian, kita belum lagi lepas daripada bahaya. Kita masih perlu berjimat-cermat dalam perbelanjaan kita. Justeru itu, bagi beberapa tahun yang akan datang, kita terpaksa mengurangkan hutang kita. Tetapi, kita harus meneruskan projek-projek yang berfaedah kerana jika tidak, industri pembinaan akan terhenti. Ini bermakna bukan sahaja majikan akan rugi tetapi juga para pekerja, pembekal, pekedai, penjaja, perusahaan kenderaan dan lain-lain pihak akan turut rugi.

50. Sekali lagi ingin saya jelaskan bahawa langkah bagi mengatasi kemelesetan ekonomi ialah penjimatan belanja dan peningkatan daya pengeluaran. Sekarang ini kos pengeluaran bahan-bahan mentah di Malaysia adalah lebih tinggi daripada kos di negara-negara lain yang mengeluarkan bahan yang sama. Jika kita tidak dapat mengurangkan kos ini dan meningkatkan daya pengeluaran, maka harga barangan kita tidak dapat bersaing atau 'competitive' di pasaran dunia. Sekali lagi yang akan menderita bukan sahaja tauke-tauke, tetapi juga pekerja-pekerja dan lain-lain pihak yang bergantung secara langsung atau tidak langsung kepada industri-industri bahan mentah kita.

51. Pemulihan ekonomi negara tidak bergantung kepada Kerajaan sahaja. Kita semua, sama ada sebagai majikan atau pekerja bergaji, juga bertanggungjawab. Jeritan dan pekikan sekerja dan analisa oleh pakar-pakar di seminar-seminar dan bengkel-bengkel tidak akan membawa apa-apa kebaikan selagi kita semua tidak bersikap bertanggungjawab dan berusaha meningkatkan daya pengeluaran. Hanya penjimatan belanja dan daya pengeluaran yang tinggi yang menjadi ubat kepada ekonomi yang meleset. Tidak ada ubat yang lain.

52. Sepertimana yang telah saya sebutkan tadi, kemelesetan ekonomi dunia memberi kesan yang buruk kepada ekonomi negara. Malaysia adalah sebuah negara di mana 50% Keluaran Negara Kasar atau GNP bergantung kepada perdagangan dengan negara-negara lain. Dengan kemerosotan permintaan dari negara-negara maju, maka tidak dapat tidak pendapatan kita dari dagangan akan berkurangan. Kurangnya perdagangan mengurangkan pula hasil yang diperolehi oleh Kerajaan daripada cukai eksport dan cukai pendapatan, serta lain-lain cukai.

53. Apakah yang harus kita lakukan dalam keadaan ini? Jika kita ingin meneruskan juga perbelanjaan biasa, maka tidak dapat tidak kita mesti berhutang. Hutang negara adalah perkara yang serius. Faedah dan hutang pokok mesti dibayar. Sebahagian daripada hasil yang dipungut oleh Kerajaan mestilah digunakan untuk membayar hutang. Selepas membayar hutang yang banyak dan belanja urusan, Kerajaan tidak mempunyai wang yang mencukupi untuk pembangunan. Tetapi, pembangunan terpaksa diteruskan dan projek-projek yang penting terpaksa dilaksanakan. Oleh kerana itu kita terpaksa berhutang.

54. Berhutang untuk membina projek penting yang boleh mendatangkan hasil kepada Kerajaan adalah munasabah. Tetapi, kita tidak boleh berhutang untuk belanja pengurusan yang berterusan atau 'recurrent expenditure' seperti gaji, pencen dan lain-lain. Kita tidak boleh berbuat demikian, sama juga seperti seorang tidak boleh berhutang untuk makan hariannya.

55. Dalam keadaan di mana kita tidak dapat meningkatkan hasil, kita harus berbelanja untuk urusan setakat mana yang kita mampu sahaja. Kita patutlah sanggup berkorban sedikit, supaya bayaran hutang tidak meningkat dengan begitu pesat sehingga bakinya tidak mencukupi untuk perbelanjaan pengurusan.

56. Malangnya, terdapat ugutan daripada pihak pemimpin kesatuan kakitangan Kerajaan bahawa jika tuntutan mereka tidak dilayan, maka mereka akan mogok. Apakah dengan mengadakan mogok ini, kita akan mendapat hasil yang banyak untuk membayar gaji tambahan?

57. Tentulah jelas bahawa mogok ini akan merosakan ekonomi negara dan mengurangkan hasil Kerajaan. Kegiatan perniagaan akan tergendala dan para pelabur, dari dalam dan luar negeri, akan berasa takut untuk melabur. Kerja-kerja mengutip hasil akan tergendala dan projek-projek pembangunan untuk rakyat pun akan terhenti.

58. Jauh daripada menolong menambah pendapatan Kerajaan, mogok akan mengurangkan pendapatan Kerajaan dengan berpanjangan, kerana kesan daripada sesuatu mogok itu tidak akan hilang apabila sahaja ia diberhentikan. Keupayaan Kerajaan menaikkan gaji akan tergendala buat beberapa tahun.

59. Kerajaan bukan sahaja bertanggungjawab kepada kakitangannya. Kerajaan juga bertanggungjawab kepada rakyat keseluruhannya. Sehingga kini, kemelesetan ekonomi telah menyebabkan beribu-ribu pekerja swasta menganggur. Ramai yang tidak dapat bekerja lagi di negara jiran, kerana di sana juga kemerosotan ekonomi telah menyebabkan pekerja asing dan pekerja tempatan kehilangan pekerjaan. Di samping itu, kedai-kedai dan pekerja-pekerja kedai turut merasai secara langsung kesan buruk perniagaan yang merosot. Penjaja yang kais pagi makan pagi, kais petang makan petang yang mengalami kerugian jika cuaca buruk, tetap tidak terlepas daripada tekanan ekonomi yang meleset. Petani dan nelayan, penoreh getah dan pekerja lombong, semuanya menderita bukan sahaja kerana kehilangan atau kekurangan pendapatan, tetapi juga kerana inflasi.

60. Sebaliknya, tidak seorang pun daripada kakitangan Kerajaan telah dibuang kerja kerana kemelesetan ekonomi.

Sebenarnya, sebahagian daripada mereka telah mendapat kenaikan gaji hingga sebanyak 12% iaitu lebih dari sebulan gaji dalam satu tahun. Ada juga yang telah dinaikkan gred dan elaun mereka.

61. Apakah Kerajaan perlu melayan kakitangannya sahaja tanpa mengambilkira rakyat lain? Saya amat dukacita kerana mereka yang bernasib baiklah yang bercadang mengancam kestabilan negara dan mungkin juga periok nasi orang lain.

62. Kita tahu bahawa kita akan mengadakan pilihanraya tidak lama lagi dan kita memerlukan seberapa banyak sokongan yang boleh. Tetapi, Kerajaan Barisan Nasional ini tidak sanggup menjadikan Malaysia negara yang bankrap semata-mata kerana mahu memancing undi. Kita akan menghadapi cabaran dan ugutan dengan pendirian yang tegas. Tawaran kenaikan gaji yang kita telah persetujui sudah pun menjejaskan kedudukan kewangan negara. Kita tidak sanggup menggadai negara kerana takut kehilangan kerusi.

63. Saya sedar bahawa bukan semua pekerja Kerajaan yang ingin mengambil tindakan mogok. Yang berminat ialah para pemimpin kesatuan sekerja yang bercita-cita besar. Memang mudah menjadi popular dengan mendesak orang lain memberi sesuatu. Memang mudah menjadikan isu gaji sebagai tangga untuk mendapat jawatan yang diidami. Tetapi, jalan itu merbahaya dan boleh memakan diri. Oleh itu, berhati-hatilah.

64. Negara ini ialah negara demokratik. Setiap rakyat bebas bergerak. Kerajaan tidak berniat untuk membendung terlalu sangat percakapan dan kegiatan para pengkritik Kerajaan. Sebaliknya, kita ingin bersikap lebih liberal lagi. Sebab itulah kita telah membebaskan ramai yang berada di dalam tahanan. Sebab itulah juga kita telah memberi kebenaran mencetak dengan lebih mudah dan lebih banyak. Sebab itulah

kita berhentikan pengakuan umum atau 'public confession' melalui TV dan media-media lain.

65. Tetapi, sebagai Kerajaan yang bertanggungjawab, kita tidak lupa bahawa keselamatan dan kestabilan negara adalah tanggungjawab Kerajaan. Apabila kita menganggap perlu, kita akan menggunakan segala kuasa dan undang-undang yang ada pada Kerajaan dengan adil. Tiada siapa pun perlu kluatir mengenai ini.

DEMOKRASI BERPARLIMEN DAN RAJA BERPERLEMBAGAAN

66. Sebelum pun UMNO ditubuh, orang-orang Melayu telah menyatakan sokongan mereka kepada sistem demokrasi. Terhimpunan pertubuhan-pertubuhan Melayu yang bersidang untuk membentuk alat menentang Malayan Union telah dengan secara otomatis membuat keputusan mengikut lunas-lunas demokrasi.

67. Apabila ianya ditubuh, UMNO telah menyatakan pegangannya kepada sistem pentadbiran Demokrasi Berparlimen dan Raja Berperlembagaan. Ideologi lain -- sosialis atau komunis, liberal atau konservatif -- tidak menjadi panduan kepada UMNO atau mempengaruhinya. Hanya yang didokong ialah Demokrasi Berparlimen dengan Raja Berperlembagaan.

68. Kita tidak menafikan bahawa ada pengaruh sistem British dalam pemilihan UMNO. Dalam sejarah Melayu, tidak ada demokrasi. Yang ada ialah sistem beraja, di mana Raja mempunyai kuasa yang tidak terbatas. Sistem pemerintahan Melayu ialah sistem feudal. Sistem feudal inilah yang menyebabkan negeri-negeri Melayu diserahkan dan dikuasai oleh penjajah.

69. Walaupun kita tidak begitu gemar dengan sifat-sifat yang ada pada British, kita tidak menolak sesuatu kerana ianya berasal daripada British. Sebagai bangsa yang waras,

Kita mengkaji dan meneliti apa dianya isi dan apa dianya hampas. Kita tidak berasa was-was semata-mata kerana asal-usul sesuatu itu. Yang penting ialah sama ada sesuatu itu boleh mendatangkan kebaikan atau keburukan. Dan kita berpendapat bahawa sistem Demokrasi Berparlimen dan Raja Berperlembagaan adalah sebaik-baiknya sistem -- sudah tentu lebih baik daripada sistem feudal.

70. Kita tidak berasa kesal dengan pilihan kita. Demokrasi menentukan bahawa jika seseorang pemimpin sudah tidak layak lagi, maka dianya tidak dapat mengekalkan kedudukannya. Memang baik jika seseorang pemimpin atau sesebuah Kerajaan tidak diganggu atau dipengaruhi oleh kemungkinan ia dikalahkan apabila menggubal dasar dan melaksanakan rancangan. Kerajaan yang tidak berasa takut kepada ugutan sesiapa kadang-kadang boleh bertindak dengan lebih adil. Seseorang atau sesuatu kumpulan yang berpengaruh tidak boleh mengancam menarik sokongan jika tidak mendapat sesuatu bagi dirinya.

71. Sebaliknya, Kerajaan pilihan ramai seperti yang terdapat dalam demokrasi selalunya terpaksa memperhitungkan kesan terhadap sokongan baginya setiap kali ia menggubal dasar atau undang-undang. Dengan perkataan lain politik mempengaruhi Kerajaan. Terdesak dengan kemungkinan dikalahkan dalam pilihanraya yang berikutnya, Kerajaan demokratik kerap kali memberi lebih keutamaan kepada kepentingan politik daripada kepentingan-kepentingan lain.

72. Namun demikian kita tidak berminat dengan sistem diktator atau feudal. Kita berasa lebih lega jika kita boleh menukarkan Kerajaan melalui proses demokrasi daripada mendedahkan diri kita kepada kemungkinan wujudnya Kerajaan yang kejam dan tidak bertimbangrasa yang tidak dapat dijatuhkan tanpa revolusi.

73. Melalui sistem Demokrasi Berparlimen kita dapat menukar wakil rakyat dan Kerajaan dari semasa ke semasa tanpa masalah. Sudah tentu melalui demokrasi jika kita tersalah pilih dan sebuah Kerajaan yang korap dan berkuku besi muncul, maka kita akan berpeluang menjatuhkannya dalam tempoh masa lima tahun.

74. Kita pilih sistem Raja Berperlembagaan dan tidak sistem pemerintahan Republik dan Presiden kerana di waktu kita berjuang untuk kemerdekaan, umumnya Raja-Raja telah memberi kerjasama dan sokongan kepada gerakan nasionalisme. Raja-Raja tidak menghalang terlalu kuat seperti yang berlaku di Indonesia dan India. Justeru itu, tidak ada sebab mengapa kita patut memilih sistem Republik dengan Presiden sebagai ketua negara.

75. Selain daripada itu, sistem Demokrasi Berparlimen, dan Raja Berperlembagaan bermakna pemerintahan diamanahkan kepada rakyat. Raja menjadi simbol pentadbiran supaya taat-setia rakyat kepada negara ditujukan kepada simbol kedaulatan negara. Tetapi, pentadbiran negara yang sebenarnya ditentukan oleh rakyat melalui pilihanraya yang bebas.

76. Oleh kerana Raja tidak terlibat dengan pentadbiran dan tidak terikat dengan mana-mana parti politik, maka kesetiaan rakyat tidak berbelah-bahagi. Rakyat tidak dipengaruhi dengan fahaman politik atau ideologi dalam mencurahkan kesetiaan mereka kepada negara dan Raja yang menjadi simbolnya.

77. Malangnya, walaupun sistem ini berjalan dengan baik dan ahli-ahli politik tidak cuba melibatkan Raja-Raja, sekarang ini ada pihak lain yang ingin menggunakan kedudukan Raja-Raja untuk kepentingan peribadi masing-masing. Oleh kerana Kerajaan menghormati Raja-Raja dan Perlembagaan melindungi mereka, orang-orang yang berkepentingan ini

berpendapat bahawa dengan melibatkan Raja-Raja dalam kegiatan peribadi mereka, mereka juga akan dilindungi oleh undang-undang, bahkan mereka dapat membelakangkan segala dasar dan matlamat Kerajaan yang dipilih oleh rakyat.

78. Mereka membuat rancangan-rancangan perniagaan yang memikat hati Raja-Raja dan cuba mendapat penyertaan Raja-Raja dalam perniagaan mereka. Bukan sahaja mereka berharap akan dapat mempengaruhi pihak berkuasa dengan cara ini, tetapi mereka boleh bersaing dengan jayanya dengan pengusaha-pengusaha lain, terutamanya pengusaha-pengusaha bumiputera.

79. Tidak dapat tidak, kegiatan ini mencemar nama baik Raja-Raja di kalangan rakyat. Tidak dapat tidak, jika kegiatan ini berterusan, pandangan rakyat terhadap Raja-Raja akan menjadi buruk. Tidak dapat tidak, rakyat akhirnya akan mempersoalkan sistem Raja Berperlembagaan.

80. Para Perwakilan sekalian, Kerajaan telah cuba merahsiakan kegiatan ini untuk menjaga nama baik Raja-Raja. Tetapi, sedikit-sebanyak kegiatan-kegiatan menggunakan pengaruh Raja-Raja sudah sampai ke telinga rakyat.

81. Sebelum pandangan rakyat menjadi buruk, saya ingin menasihatkan, bahkan memberi amaran kepada golongan yang cuba memeralatkan Raja-Raja untuk kepentingan perniagaan mereka supaya memberhentikan kegiatan ini. Kita tidak mahu sistem Raja Berperlembagaan disoal oleh rakyat. Kita, UMNO khususnya, menjunjung sistem ini dan kita tidak mahu sistem ini diancam dan dicabar semata-mata kerana kepentingan orang-orang yang tamak.

82. Jika kita mendapati sesiapa cuba berbuat demikian, dianya akan dimasukkan ke dalam 'senarai hitam' dan segala urusan perniagaannya yang melibatkan Kerajaan akan dipandang serong dan tidak akan mendapat layanan. Kegiatan mereka

juga akan didedah supaya rakyat tahu siapa yang cuba memburukkan sistem Raja Berperlembagaan.

PENERAPAN NILAI-NILAI ISLAM

83. Saya ingin menyatakan sekali lagi bahawa Malaysia adalah negara berbilang kaum dan berbilang agama. Manakala agama Islam diterima sebagai agama rasmi negara, agama-agama lain adalah bebas diamalkan oleh penganut-penganutnya. Di samping itu orang-orang Islam dipelihara daripada pengembangan agama-agama lain. Sebaliknya, dalam mengembang dan meningkatkan bilangan penganut agama Islam, paksaan tidak boleh digunakan.

84. Semua ini, secara langsung atau tidak langsung adalah beruntukan perlembagaan, undang-undang asas pentadbiran negara kita, undang-undang asas yang disusun dengan mengambilkira pandangan Islam dalam pentadbiran negara yang berbilang kaum dan agama.

85. Al-Quran dan Hadith serta Sunnah Nabi adalah asas kepercayaan orang-orang Islam. Asas ini tidak boleh dipersoalkan tetapi untuk kehidupan harian, kita perlu kepada panduan amalan secara terperinci.

86. Umpamanya ayat 60 Surah Al-Anfaal menyuruh kita membuat persediaan bagi mempertahankan umat Islam. Pada zaman Rasulullah s.a.w., ini bermakna menyediakan pedang dan kuda. Pada zaman moden ini, mempertahankan ummah bermakna menyediakan carbine, machinegun, meriam, kereta kebal, kapal terbang, kapal perang, kapal selam, radar, laser beam range finder dan seribu satu alat moden. Sementara Al-Quran, Hadith dan Sunnah Nabi memberi panduan, usaha untuk mencipta segala alat yang diperlukan ini mestilah dibuat oleh kita dengan menggunakan akal fikiran kurniaan Tuhan.

87. Begitu jugalah dengan cara-cara pemerintahan. Sementara panduan asas terdapat dalam Al-Quran, Hadith dan Sunnah Nabi, untuk mencegah berbagai jenayah moden, untuk mentadbir zon ekonomi, untuk menentukan lalu lintas dalam bandar dan di jalanraya, untuk mengurus pelabuhan dan lapangan terbang, gerakan anti-penyeludupan dan seribu satu urusan dan tanggungjawab, Kerajaan terpaksa mengrubel undang-undang, dengan menggunakan akal fikiran dan kepakaran secara bermesyuarah. Yang penting ialah perkara tersebut mengambilkira ajaran agama Islam dan keadaan sesebuah negara.

88. Perlu ditegaskan di sini bahawa agama Islam memberi kelonggaran dan mengambilkira keadaan semasa. Dalam pentadbiran, yang penting ialah keselamatan dan kesempurnaan masyarakat. Kita tidak dapat berpegang kepada tafsiran yang dibuat oleh manusia biasa walau bagaimana arif sekalipun, jika tafsiran itu begitu ketat atau rigid sehingga keselamatan masyarakat dan orang-orang Islam terancam.

89. Di Malaysia pentadbiran kita tidak bertentangan dengan lunas-lunas Islam dan mengambilkira keadaan semasa, termasuklah keadaan di mana separuh daripada rakyat negara ini bukan beragama Islam. Banyak perkara yang haram bagi kita tetapi tidak haram bagi orang-orang bukan Islam. Kita tidak boleh memaksa mereka mengamalkan suruhan agama Islam. Jika kita cuba berbuat demikian mereka akan mencari jalan supaya percubaan kita tidak akan berkesan. Di samping itu, perhubungan antara kita dengan mereka akan menjadi buruk sehingga mungkin berlaku pertelingkahan. Demikian juga tindakan mereka mengelak daripada perbekalan undang-undang boleh membawa keburukan kepada negara.

90. Kita tidak mahu menjadi orang-orang munafik atau hipokrit yang mempamerkan ke-Islaman di negeri sendiri tetapi melakukan maksiat apabila sahaja berada di luar negeri. Kita tidak mahu memperkatakan sesuatu tetapi melakukan yang

lain. Nama Islam sudah banyak tercemar, bahkan orang Islam diketawakan kerana perbuatan sekumpulan orang hipokrit daripada kalangan orang Islam sendiri.

91. Kita tidak mahu jadi hipokrit. Kita tidak mahu membuat tafsiran yang lebih ketat daripada suruhan Islam dan selapas itu kita melakukan perkara-perkara yang bertentangan dengan tafsiran yang kita laung-laungkan.

92. Dalam usaha kita mengamal dan mengembangkan syiar Islam, kita akan menggunakan kelonggaran yang diberi oleh agama Islam, sekiranya kita mendapat kelonggaran ini perlu dan ianya bermanfaat kepada kita dalam jangka panjang.

93. Oleh itu kita bermula dengan penerapan nilai-nilai Islam dalam pentadbiran. Jika kita berjaya menentukan yang Kerajaan kita ini bersih, cekap, beramanah, tertib, rajin, sopan, berdisiplin, bertanggungjawab, dan menjunjung tinggi nilai-nilai lain yang mulia bagi setiap umat yang bertaqwa, Isya-Allah syiar Islam akan berkembang dan kita semua akan memperolehi kebahagiaan di dunia dan di akhirat.

94. Inilah sebabnya kita menitik-beratkan penerapan nilai-nilai Islam dalam pentadbiran Kerajaan. Rupa bentuk yang kononnya Islam tidak memberi makna sehingga nilai-nilai yang saya sebutkan tadi diamalkan. Kita tidak mahu bermusuhan dengan mereka yang menganggap rupa bentuk Islam itu penting tetapi janganlah mereka pula menganggap orang yang tidak mengutamakan rupa bentuk sebagai kurang Islam. Yang penting ialah jika ada perbezaan pendapat dalam Islam, kita terima hakikat perbezaan ini tetapi janganlah kita berpecah-belah kerananya.

NASIONALISME

95. Umat Islam, di mana juga mereka berada adalah bersaudara, tetapi masyarakat Islam di sesuatu tempat atau

negara perlu berdiri di atas kaki sendiri, atau berditam. Sebab itu walaupun kita bersimpati dengan pejuang-pejuang Mujahiddin Afghanistan, peperangan untuk membebaskan Afghanistan bergantung atas usaha mereka sendiri. Untuk menentukan mereka bersemangat berperang membebaskan negara sendiri, perasaan cinta dan kasih kepada negara mereka Afghanistan, cinta dan kasih yang tidak kenal takut, tidak kenal mati, mestilah tertanam di dalam sanubari orang-orang Afghan sendiri. Perasaan inilah yang dikatakan perasaan kebangsaan atau nasionalisme, dan semangat yang lahir daripadanya ialah semangat kebangsaan. Walaupun simpati umat Islam keseluruhannya penting juga, tetapi yang akan menentukan perjuangan pembebasan Afghanistan ialah semangat kebangsaan orang-orang Afghan itu sendiri.

96. Namun demikian, lain halnya dengan permusuhan antara dua kumpulan orang Islam atau dua buah negara Islam. Permusuhan seperti ini adalah bertentangan dengan ajaran Islam. Orang seperti inilah yang dikenal sebagai mazhabiah atau asabiah. Mereka membelakangkan Islam kerana terlalu taksub dan taat kepada kumpulan atau negara mereka.

97. UMNO terdiri daripada golongan orang-orang Melayu yang bersemangat kebangsaan. Tetapi, kita tidak membelakangkan Islam walaupun bersemangat kebangsaan. Semangat kebangsaan memberi kekuatan kepada perjuangan Islam dan persaudaraan dalam Islam. Sebaliknya, kumpulan-kumpulan yang menentang UMNO sanggup menidakkan persaudaraan dalam Islam dan membuat tohmah yang jelas menunjukkan bahawa bukan Islam yang menjadi panduan mereka, tetapi nafsu dan syaitan.

98. Sebagai pertubuhan kebangsaan Melayu, UMNO tidak ragu dengan keIslaman dirinya. UMNO akan terus berpegang kepada semangat kebangsaan, kerana semangat kebangsaan dalam UMNO adalah sama dengan semangat kebangsaan yang diperlihatkan oleh Mujahiddin Afghanistan. Kita akan terus mempertahankan

kedudukan istimewa orang-orang Melayu dan tidak akan mengabaikan tanggungjawab kita untuk memancing undi.

99. Mereka yang cuba berbuat demikian menderhaka kepada orang Melayu dan mengkhianati Islam. Undi memang penting dalam politik demokrasi, tetapi janganlah kerana undi kita sanggup menjual bangsa dan keturunan kita. Jangan kita memutar-belitkan tafsiran agama untuk kepentingan pilihanraya seperti yang dibuat oleh satu kumpulan yang kononnya berpegang kepada ajaran Islam.

100. Sebaliknya, kita harus menebalkan lagi semangat kebangsaan kita. Untuk tujuan ini kita harus menentukan bahawa kebolehan dan keupayaan kita adalah sama dengan kaum-kaum lain di negara ini. Selagi kita terpaksa bergantung kepada lain-lain kaum untuk tugas-tugas biasa kita, selagi tugas-tugas dan kecekapan tertentu tidak ada pada kita, selama itulah semangat kebangsaan kita akan terus cacat. Selama itulah perimbangan antara kaum tidak akan tercapai.

101. Semangat kebangsaan bukan untuk mendabik dada, untuk bermegah-megah dan sombong atau untuk memandang hina orang-orang lain. Semangat kebangsaan adalah untuk mendorong kita supaya meningkatkan kebolehan kita supaya sama, bahkan lebih daripada orang lain, dan dengan cara ini, kita menjadi bangsa yang bermaruah, dihormati serta disegani.

102. Inilah kebangsaan yang dimaksudkan oleh UMNO apabila kita memilih nama bagi parti kita dan kita menentukan matlamat perjuangan kita. Janganlah sesiapa mencemarkan semangat kebangsaan kita ini dengan kelakuan atau perbuatan buruk yang menghinakan bangsa kita.

103. Tak akan Melayu hilang di dunia. Tetapi Melayu jenis apakah yang harus kekal ini? Melayu yang mulia atau Melayu

yang menjadi hamba kepada orang lain, yang selalu meminta-minta, yang lemah semangat dan yang tidak pernah berupaya mempertahankan diri? Melayu apakah yang tidak akan hilang di dunia ini? Bersama-samalah kita merenungkannya. Jika kita mahu Melayu yang mulia dan berkemampuan, ubahlah sikap dan perkukuhkanlah semangat. Insyallah, kita akan jadi Melayu yang mulia.

NEGARA YANG KITA CINTAI

104. Pepatah Melayu berkata, 'Hujan emas di negeri orang, hujan keris lembing di negeri sendiri, lebih baik negeri sendiri'. Malaysia adalah tanahair kita. Malaysia bukan syurga, walaupun tidak dihujani keris-lembing. Penduduknya terdiri daripada berbagai kaum, dan sudah tentulah mempunyai perbezaan pendapat dan kadang kala pula bertelingkah. Dalam keadaan masyarakat yang sedemikian, tidak ada suatupun yang kena jika dibuat, dan tidak ada suatupun yang kena jika tidak dibuat.

105. Tetapi, Malaysia adalah negara kita, negara orang Melayu, orang bumiputera, orang-orang Malaysia keturunan Cina, keturunan India, orang-orang Iban, Kadazan, dan lain-lain keturunan. Walau bagaimana buruk sekalipun negara Malaysia, rakyatnya mestilah cintakannya. Ini bukan sesuatu yang luar biasa.

106. Manusia suka kepada apa yang menjadi kebiasaannya. Sudah tentu negaranya menjadi kebiasaannya. Sebab itu ada manusia yang sanggup tinggal di padang pasir yang begitu panas dan kering. Terdapat juga manusia yang sanggup tinggal di negara sejuk di mana buminya diliputi salji berpuluh-puluh kaki tebalnya.

107. Mereka sanggup hidup dalam keadaan sedemikian dan tidak mahu berpindah. Mereka sanggup berperang bermati-matian jika negara mereka dicerobohi. Kerana sayang kepada tempat

kebiasaan inilah, maka wujudnya bangsa dan negara. Sayang kepada tempat kebiasaan inilah yang dikatakan nasionalisme atau semangat kebangsaan.

108. Bangsa Melayu adalah juga Bangsa Malaysia. Sementara kita menganggap negeri-negeri Melayu sebagai bumi asli orang Melayu, kita akui hak keturunan kaum-kaum lain sebagai warganegara Malaysia. Walaupun ada di antara mereka yang dengan mudahnya meninggalkan bumi Malaysia untuk bermastautin di negara lain, kita tidak menafikan bahawa kebanyakan daripada mereka yang bermastautin di negara ini benar-benar setia dan taat kepada Malaysia. Justeru itu kita iktiraf mereka sebagai warganegara.

109. Kita orang-orang Melayu tidak harus berasa segan-silu dengan perasaan kasih sayang kita terhadap negara dan bangsa kita. Kita adalah manusia biasa dan ini adalah perasaan biasa manusia. Tidak ada manusia yang hatinya begitu kering hingga tidak berasa berdebar apabila ia pulang ke tanahairnya. Lebih lama ia dipisahkan dari tanahairnya lebih kuat denyut jantungnya. Inilah tanahair yang tercinta. Inilah tempat tumpah darahnya.

110. Saya tidak malu mengakui bahawa semangat kebangsaan memberi dorongan kepada tindakan saya. Saya percaya kita semua mempunyai perasaan yang serupa. Jika tidak, hendaklah kita suburkan perasaan cinta kepada bangsa dan negara ini. Kita tidak akan rugi. Sebaliknya, kita akan menerima manfaat dan kita akan menjadi lebih bahagia. Kita akan dihormati dan kita akan berjaya.

111. UMNO adalah parti kebangsaan. Ahli-ahli UMNO terdiri daripada orang-orang Islam. Oleh itu, UMNO adalah juga parti Islam. Islam dan semangat kebangsaan tidak bertentangan. Sebagai parti kebangsaan, UMNO akan melindungi orang-orang Melayu khususnya, serta rakyat dan negara Malaysia amnya daripada ancaman dan pengaruh-pengaruh luar.

UMNO akan memupuk semangat nasionalisme supaya perasaan ini akan menyatupadukan segala tenaga dan fikiran rakyat untuk membangun dan membina negara yang mulia, yang bermaruah dan berjaya. Sebagai parti Islam, UMNO akan berpegang teguh kepada prinsip-prinsip yang didokong oleh Islam.

112. Inilah Negara kita Malaysia. Dan negara inilah yang akan kita maju dan pertahankan. Saya berdoa semoga Allah Subhanahu Wataala akan memberi taufik dan hidayahNya kepada kita.

PENUTUP

113. Marilah kita berusaha sedaya upaya memperjuangkan maruah dan masa depan agama, bangsa dan negara kita. Marilah kita berdoa semoga perbincangan kita ini akan membawa manfaat kepada agama, masyarakat dan negara. Akhir kata saya mengucapkan selamat bersidang dan selamat maju jaya.

WABILLAHI TAUFIK WALHIDAYAH WASSALAMU ALAIKUM
WARAHMATULLAHI WABARAKATUH.

Kuala Lumpur.

27hb September, 1985 (dikeluarkan pada pukul 4.00 petang)